

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


3.1 PENGENALAN

Bab 3 akan menghuraikan metodologi kajian. Kaedah yang di gunakan di dalam kajian iaitu meliputi model kajian, rekabentuk kajian, kerangka kajian konseptual, hipotesis kajian, kaedah persampelan dan instrumen kajian.

3.2 MODEL KAJIAN -TEORI PEMBELAJARAN SOSIAL BANDURA

Penyelidik memilih teori pembelajaran sosial sebagai model kajian kerana teori ini melihat kemerosotan disiplin pelajar sebagai tingkah laku yang dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semulajadi dalam diri individu. Oleh itu, pendekatan teori pembelajaran sosial adalah sesuai dengan pandangan penyelidik untuk melihat dan menganalisis kemerosotan disiplin di kalangan pegawai – pegawai dan anggota – anggota di pasukan – pasukan di bawah naungan 10 Briged Para. McCandless (1970), menggunakan prinsip – prinsip pembelajaran sosial dengan memberikan perhatian kepada aspek-aspek perasaan yang tertekan. Oleh yang demikian, menurut Bandura (1977),

3.3 KERANGKA MODEL KAJIAN BANDURA



Rajah 3.1: Model Kajian Pembelajaran Sosial Bandura

telah menekankan kelakuan moral dari kod moral supaya kanak-kanak membesar dapat dipengaruhi oleh ibubapa, guru dan masyarakat. Dengan itu teori Bandura (1977), adalah lebih sesuai digunakan untuk memahami pembelajaran tingkah laku moral dalam bidang pendidikan.

Dalam pendidikan sosial, model ini contoh peniruan di kalangan pelajar didedahkan kepada perkara-perkara yang negatif boleh membawa kepada peniruan tingkah laku yang salah. Pengaruh-pengaruh yang cepat dipelajari oleh pelajar perlu mengawal bahan-bahan kerosakan daripada remaja. Tingkah laku merosakkan merupakan tingkah laku yang paling kerap terdapat di kalangan pelajar yang berumur di antara 15 hingga 17 tahun. Sikap agresif mereka akan kelihatan dalam tingkah laku yang merosakkan. Jenis-jenis tingkah laku yang merosakkan termasuk pemusuhan nyata, vandalisme aktiviti kumpulan liar, mengugut guru, mencalar kereta atau motosikal guru dan menconteng dinding bangunan sekolah.

Menurut teori pengukuhan, setiap ganjaran berfungsi sebagai pengukuh kepada sesuatu tingkah laku. Istilah pengukuhan positif merujuk kepada bertambah kerap sesuatu perbuatan dilakukan akibat pemberian sesuatu pengukuh, di mana selepas menerima pengukuh, individu semakin sering melakukan sesuatu perbuatan, sama ada perbuatan itu baik mahupun yang buruk.

HIPOTESIS KAJIAN


Di dalam kajian ini terdapat enam hipotesis yang ingin di buktikan seperti berikut:

- a. Terdapat perkaitan yang signifikan positif di antara masalah disiplin dengan persekitaran pekerjaan di kalangan pegawai – pegawai dan anggota – anggota di 10 Briged Para.
- b. Terdapat perkaitan yang signifikan positif di antara masalah disiplin dengan pihak pengurusan di kalangan pegawai – pegawai dan anggota – anggota 10 Briged Para.
- c. Terdapat perkaitan yang signifikan positif di antara masalah disiplin dengan masalah sendiri / keluarga di kalangan pegawai – pegawai dan anggota – anggota 10 Briged Para.
- d. Terdapat perkaitan yang signifikan positif di antara masalah disiplin dengan 'stress' di kalangan pegawai – pegawai dan anggota – anggota 10 Briged Para.

Model punca-punca tekanan di tempat kerja dan kesannya ke atas individu yang dikemukakan oleh Cooper & Marshall (1976) mengklasifikasikan punca-punca tekanan kerja dan bagaimana 'stress' saling bertindak dengan ciri- ciri individu dan punca-punca tekanan organisasi yang lain. Model ini telah membahagikan lima punca utama tekanan di tempat kerja iaitu tempat kerja, kerjaya dan pencapaian, pihak pengurusan, hubungan dengan rakan sekerja dan faktor masalah sendiri / keluarga.


3.5 PEMBENTUKAN PEMBOLEHUBAH TIDAK BERSANDAR (IV)

Item – Item Dalam Persekitaran Pekerjaan



Rajah 3.2: Pembentukan Pembolehubah Tidak Bersandar (IV)

3.6 KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN



Rajah 3.3: Kerangka Teoritikal Kajian

Menurut model ini, punca - punca 'stress'/ tekanan mempunyai pertalian dengan masalah disiplin. Model ini telah menyenaraikan punca- punca 'stress'/ tekanan kerja berdasarkan pertalian dengan keperluan kerja iaitu kebosanan, keadaan tempat kerja yang buruk, tekanan masa dan tarikh akhir penghantaran tugas, maklumat yang bertindan, rekabentuk kerja, masalah teknikal dan permintaan kerja yang keterlaluan oleh majikan.

Menurut model ini, peranan individu dalam organisasi terutamanya apabila melibatkan kejaya dan pencapaian akan berubah menjadi satu tekanan apabila berlaku perkara seperti konflik perasaan, kejayaan, pengiktirafan, kekaburan peranan / had peranan individu dalam organisasi dan tanggungjawab terhadap masyarakat serta keluarga. Selain itu, model ini juga menjelaskan bahawa pembentukan kejaya dan pencapaian semasa juga memberi tekanan kepada pekerjaan apabila pekerja itu tidak mencapai kejayaan dan pencapaian, kurang selamat dalam melakukan kerja, pelaksanaan kerja yang berlebihan atau sebaliknya tidak mendapat promosi dari pihak majikan dan kecewa dalam mengejar cita-cita. Dua faktor lain yang membawa kepada tekanan ialah tempat kerja iaitu tempat kerja dan perhubungan dengan rakan sekerja. Hubungan di tempat kerja ialah hubungan antara individu dengan kakitangan organisasi yang kurang memuaskan atau inidividu tersebut telah diiberi layanan yang tidak memuaskan di peringkat awal lagi. Dari aspek struktur dan iklim organisasi, individu akan mengalami tekanan apabila berlaku kurang penyertaan

individu dalam organisasi, terlalu birokrasi, tekanan terhadap kesesuaian kerja dan kurang tindakbalas terhadap organisasi.

3.7 REKABENTUK KAJIAN

Mohd. Najib (2001) menyatakan bahawa kaedah tinjauan adalah merupakan satu kajian di mana pengkaji akan memungut data dalam satu masa tertentu sahaja dan kebiasaannya menggunakan soal selidik. Oleh itu, kaedah ini akan menggunakan soal selidik sebagai alat utama bagi mengumpul data secara kuantitatif. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi lima bahagian, iaitu Bahagian A, B, C, D dan E bagi mendapatkan data kajian seperti berikut:

- a. Bahagian A: Data demografi responden.
- b. Bahagian B: Set soalan yang mengukur tahap penilaian responden di persekitaran pekerjaan.
- c. Bahagian C: Set soalan yang mengukur tahap penilaian responden dengan pihak pengurusan.
- d. Bahagian D: Set soalan yang mengukur tahap penilaian responden dengan masalah sendiri/ keluarga.
- e. Bahagian E: Set soalan yang mengukur tahap penilaian responden dengan 'stress' dan masalah disiplin.

3.8 PERSAMPELAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan pengumpulan data dari pasukan – pasukan di bawah pemerintahan 10 Briged Para, di sekitar kawasan Kem Terendak, Melaka. Kajian hanya dimulakan setelah mendapat kelulusan dari Pejabat Panglima 10 Briged Para yang beribu pejabat di Kem Terendak, Melaka. Pasukan – pasukan yang terlibat adalah seperti berikut:

3.9 TEMPAT KAJIAN

Kajian ini melibatkan pengumpulan data dari pasukan – pasukan di bawah pemerintahan 10 Briged Para, di sekitar kawasan Kem Terendak, Melaka. Kajian hanya dimulakan setelah mendapat kelulusan dari Pejabat Panglima 10 Briged Para yang beribu pejabat di Kem Terendak, Melaka. Pasukan – pasukan yang terlibat adalah seperti berikut:

- a. 9 RAMD Para.
- b. 17 RAMD Para.
- c. 8 RRD Para.

3.10 POPULASI DAN PEMILIHAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian adalah terdiri daripada semua pegawai dan anggota tentera di lokasi – lokasi tersebut. Bilangan keseluruhan populasi ialah 340 responden yang di pilih secara rawak dari 2566 anggota yang berada di lokasi kem semasa kajiselidik di laksanakan. Responden ini terdiri daripada pegawai –

pegawai berpangkat dari Lt Muda hingga Mejar dan anggota – anggota tentera berpangkat Prebet hingga PW 1 yang mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza. Menurut Krejcie, R.V & Morgan, D.W. (1970) *Determining sample size for research activities*, bagi populasi kajian berjumlah 2566 orang anggota ketika prosese soalselidik dilaksanakan, nilai responden untuk kajian adalah sebanyak 340 orang responden. Pecahan responden adalah seperti berikut:

- a. 9 RAMD seramai 115 orang.
- b. 17 RAMD seramai 115 orang.
- c. 8 RRD seramai 110 orang.

Jadual 3.1: Penyata Populasi dan Sampel Kajian Bagi Taraf Perkahwinan

Bil	Taraf Perkahwinan	Jumlah	Peratusan (%)
1.	Bujang/Duda	80 orang	23.5%
2.	Kahwin	260 orang	76.5%

Jadual 3.2: Penyata Populasi dan Sampel Kajian Bagi Tempoh Perkhidmatan

Bil	Tempoh Perkhidmatan	Jumlah	Peratusan (%)
1.	Kurang 3 tahun	14 orang	4.1%
2.	4 hingga 6 tahun	60 orang	17.6%
3.	7 hingga 9 tahun	110 orang	32.4%
4.	10 hingga 12 tahun	91 orang	26.8%
5.	13 hingga 15 tahun	91 orang	26.8%
6.	16 hingga 18 tahun	11 orang	3.2%

Jadual 3.3: Penyata Populasi dan Sampel Kajian Bagi Pangkat

Bil	Pangkat	Jumlah	Peratusan (%)
1.	Pegawai	26 orang	7.6%
2.	PTT Kanan	88 orang	25.9%
3.	PTT Rendah/Pbt	226 orang	66.5%

Jadual 3.4: Penyata Populasi dan Sampel Kajian Bagi Jumlah Penerjunan

Bil	Penerjunan	Jumlah	Peratusan (%)
1.	7 dan kurang	17 orang	5.0%
2.	8 – 15 kali	230 orang	67.6%
3.	16 – 23 kali	75 orang	22.1%
4.	16 – 23 kali	18 orang	5.3%

3.11 INSTRUMEN KAJIAN

Mohd. Najib (1998), menyatakan bahawa instrumen menentukan jenis data yang diperolehi dan ini akan mempengaruhi jenis analisis data. Instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini adalah jenis soal selidik kerana ianya bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan berkesan. Responden dapat memberikan tindakbalas yang baik dalam aspek yang ingin dikaji berbanding dengan kaedah temubual. Soal selidik juga dapat membantu pengkaji mencapai objektif dengan lebih berkesan dan lebih praktikal, serta dapat mengelakkan daripada berat sebelah atau 'bias' kepada pihak temubual.

Alat ukuran yang di gunakan untuk kajian ini merupakan set borang soal selidik yang di ubahsuai dari Keenan dan Newton (1987), Md Hasidin Zaini (1995), Rokiah Ismail (1996) dan Jamaluddin Haji Mohd Said (1996). Sebelum kajian sebenar dilakukan, kajian awal dilakukan terlebih dahulu oleh pengkaji. Ia adalah untuk menguji kesesuaian soal selidik yang telah di bentuk. Ia juga bertujuan untuk melihat kefahaman subjek, kesesuaian item – item serta arahan – arahan yang terkandung dalam borang kajiselidik. Kajian awalan (*pilot test*) telah di lakukan ke atas 40 orang anggota tentera dari 17 RAMD Para yang

berpengkalan di Kem Terendak, Melaka bagi menguji kesahan soalan kajiselidik yang digunakan. Pengkaji mengandaikan sekiranya subjek memahami item – item dalam borang soal selidik ini, kemungkinan besar subjek sebenar juga akan dapat memahaminya, maka item – item dalam borang kaji selidik ini dianggap sesuai untuk digunapakai dalam kajian sebenar. Soalan kaji selidik yang di reka bentuk ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu A, B, C, D dan E seperti berikut:

3.11.1 Data Demografi.

Bahagian A mengandungi soalan - soalan berbentuk maklumat - maklumat mengenai diri responden. Antara soalan-soalan tersebut ialah taraf perkahwinan, tempoh perkhidmatan, pangkat dan jumlah penerjunan yang telah dilaksanakan.

3.11.2 Soal Selidik Mengenai Persekitaran Pekerjaan

Bahagian B mengandungi soalan - soalan mengenai masalah di persekitaran pekerjaan yang merangkumi soalan – soalan yang menumpukan faktor kepuasan terhadap rakan setugas dalam kumpulan kerja, majikan, kerja yang di lakukan, pasukan dimana tempat bekerja sekarang, skim gaji, prestasi kerja dan peluang peningkatan dari segi kerjaya. Item pertama bagi angkubah sandar bagi persekitaran pekerjaan adalah tempat kerja. Bagi mengukur angkubah sandar kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen 'Overall Job Satisfaction (OJS) oleh Taylor dan Bower (1972) yang asalnya terdiri daripada 7

item. Nilai reliabiliti bagi instrumen OJS adalah menggunakan 'coefficient alpha' yang mempunyai nilai dari .67 hingga .71 untuk kajian yang telah dilaksanakan oleh Larwood, Wright, Desrochers dan Dahir (1998). Pengukuran bagi item ini adalah bertujuan untuk memperihal tahap kepuasan dalam persekitaran pekerjaan yang melibatkan kepuasan pekerja terhadap penugasan, penerimaan terhadap rakan setugas, kepuasan terhadap majikan, peluang kenaikan pangkat, gaji dan progres keseluruhan dalam penerimaan tugas di tempat kerja. Soal selidik masalah tempat kerja menggunakan format tertutup dengan skala Likert lima tahap permeringkatan iaitu sangat setuju (1), setuju (2), berkecuali (3), kurang setuju (4) dan tidak setuju (5).

3.11.3 Soal Selidik Pihak Pengurusan.

Bahagian C mengandungi satu item utama iaitu soalan – soalan yang tertumpu kepada pihak pengurusan. Soalan - soalan tentang pihak pengurusan tertumpu pada persoalan yang melibatkan pandangan tentang cara pihak pengurusan tentang keperihatian terhadap anggota bawahan, pengendalian tugas secara berkesan dan efektif, pandangan terhadap pelaksanaan tugas dan tahap penerimaan pihak pengurusan terhadap mutu kualiti kerja akhir yang patut di hasilkan, pandangan tentang persekitaran tempat kerja, waktu kerja dan jumlah penugasan yang telah diarahkan oleh pihak pengurusan terhadap diri anggota dan pandangan tentang kemudahan yang telah disediakan oleh pihak pengurusan di tempat kerja iaitu dari sudut peralatan dan kemudahan kerja, maklumat, penyeliaan dan penglibatan pihak pengurusan.

Bagi angkubah sandar kedua bagi kajian ini adalah pihak pengurusan. Bagi mengukur angkubah sandar kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen 'Satisfaction With Job Facets' (SWTF) oleh Andrew dan Withey (1976) yang asalnya terdiri daripada 5 item. Nilai reliabiliti bagi instrumen SWTF adalah menggunakan 'coefficient alpha' yang mempunyai nilai dari .79 hingga .81 untuk kajian yang telah dilaksanakan oleh Steel dan Rentsch (1995, 1997). Pengukuran bagi item ini adalah bertujuan untuk memperihal tahap kepuasan terhadap pihak pengurusan. Bagi soalan – soalan mengenai soal selidik bagi pihak pengurusan menggunakan format tertutup dengan skala Likert lima tahap permeringkatan iaitu sangat setuju (1), setuju (2), berkecuali (3), kurang setuju (4) dan tidak setuju (5).

3.11.4 Soal Selidik Masalah Sendiri/keluarga.

Bahagian D mengandungi lima item utama iaitu soalan – soalan yang berkenaan. Bagi angkubah sandar bagi kajian ini adalah masalah sendiri/ keluarga. Soalan - soalan tentang masalah sendiri/ keluarga tertumpu pada persoalan yang melibatkan kepuasan anggota terhadap keadaan di sekeliling ketika bersama keluarga, keluarga sebagai faktor pendorong bagi pelaksanaan tugas, sokongan keluarga ketika dalam kesulitan, faktor berhubung dengan keluarga bagi pemberitahuan tentang keadaan semasa dan perasaan marah terhadap pasangan kerana pengaruh bebanan tugas. Bagi mengukur item angkubah sandar kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen 'Army work

'stress" (family's factor) oleh Hayriye Canan Sumer (1976) yang asalnya terdiri daripada 5 item. Nilai reliabiliti bagi instrumen ini adalah menggunakan 'coefficient alpha' yang mempunyai nilai dari .70 hingga .82 untuk kajian yang telah dilaksanakan oleh Horne dan Kinicki (2001). Pengukuran bagi item ini adalah bertujuan untuk memperihal tahap keseimbangan konflik diantara kehidupan sebagai anggota tentera dan kehidupan berkeluarga di dalam persekitaran ketenteraan. Bagi soalan – soalan mengenai soal selidik bagi masalah sendiri/ keluarga menggunakan format tertutup dengan skala Likert lima tahap permeringkatan iaitu sangat setuju (1), setuju (2), berkecuali (3), kurang setuju (4) dan tidak setuju (5).

3.11.5 Soal Selidik 'Stress' dan Masalah Displin.

Bahagian E mengandungi soalan – soalan yang berkenaan 'stress' iaitu perihal masalah tugas dan penugasan yang banyak dan perlu dilakukan, Tugas yang di berikan tidak setimpal dengan kelayakan, berpeluang untuk untuk menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki, pihak pengurusan selalu mencelah tugas dengan keutamaan tugas yang lain, pujian dan penghargaan terhadap penghasilan tugas yang memuaskan, diberi masa yang mencukupi untuk berinteraksi dengan rakan setugas dan menerima pengawasan yang seimbang terhadap tugas saya dari pihak atasan. Bagi soalan – soalan yang berkenaan displin pula membincangkan perihal kewajaran Akta 1972 (undang – undang Angkatan Tentera Malaysia), Sistem Pemerintahan Regimental (SPR), Masalah kebajikan anggota tidak diberi perhatian sewajarnya,

Kecewa dengan tindakan dan keputusan pihak atasan yang tidak dapat diterima dengan logik, Hukuman berat dapat mengurangkan masalah disiplin, Pergerakan anggota keluar dan masuk sangat ketat dan faktor pelanggaran disiplin disebabkan anggota tidak bersosial dengan rakan – rakan setugas (suka bersendirian). Bagi mengukur item dalam bagi angkubah sandar kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen 'Army work 'stress' (discipline) oleh Hayriye Canan Sumer (1976) yang asalnya terdiri daripada 5 item. Nilai reliabiliti bagi instrumen ini adalah menggunakan 'coefficient alpha' yang mempunyai nilai dari .78 hingga .85 untuk kajian yang telah dilaksanakan oleh CY Chin dan Tanarath (2002). Pengukuran bagi item ini adalah bertujuan untuk memperihal tahap 'stress' dan masalah disiplin sebagai anggota tentera dan kehidupan di dalam persekitaran ketenteraan. Secara ringkasan ujian – ujian yang akan dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5: Kaedah Kajian

Bil	Kaedah Kajian	Tujuan Penggujian
(a)	(b)	(c)
1.	Ujian Deskriptif	Mod, Median dan Peratusan
2.	Ujian Inferensi	Tempoh perkhidmatan, pangkat, bangsa dan kelayakan penerjunan.
	a. Kruskall – Wallace ANOVA	
	b. <i>U</i> Mann Whitney	
	c. Spearman's Rho	
d. Regresi	Ujian Hipotesis 4.	

3.12 UJIAN RINTIS, KEBOLEHPERCAYAAN DAN KEESAHAN INSTRUMEN KAJIAN

Dalam kajian kualitatif ini, soal selidik dan instrumen adalah alat yang merupakan sumber utama data yang dianalisis untuk menjawab persoalan ataupun hipotesis kajian. Kajian ini mengambil kaedah kajian seperti di **Jadual 3.5** diatas. Bagi memudahkan pemahaman kepada responden, pengkaji telah menterjemahkannya kepada Bahasa Malaysia.

Set kajian bagi instrumen – instrumen yang di gunakan adalah seperti di **Jadual 3.6** dibawah, yang telah diterjemahkan ini kemudian diuji dalam satu ujian rintis atau *Pilot Test*. Ianya dilaksanakan ke atas 40 orang responden daripada pasukan 10 Briged Para, Kem Terendak, Melaka. Skor *Cronbach Alpha* bagi ujian ini adalah .935, menepati tahap keesahan dan kebolehpercayaan bagi instrumen tersebut. Set instrumen yang sama kemudiannya diajukan kepada 340 orang responden termasuk 40 orang yang dibuat ujian rintis. Hasil daripada jawapan-jawapan kepada set soalan yang diedarkan dan diterima daripada seramai 340 orang responden, analisis menggunakan *Cronbach Alpha* mendapati bahawa instrumen ini telah menghasilkan nilai atau skor *Cronbach Alpha* yang tinggi, iaitu .865. Ini menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan ini mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan dapat menghasilkan data yang lebih tepat serta boleh dipercayai.

Jadual 3.6: Instrumen – Instrumen Kajian

Bil	Instrumen Asal	Pengkaji	Skor Kebolehpercayaan
1.	Instrumen 'Overall Job Satisfaction (OJS) yang asalnya terdiri daripada 7 item.	Taylor & Bower (1972) Larwood, Wright, Desrochers & Dahir (1998).	Nilai reliabiliti adalah 'coefficient alpha' yang mempunyai nilai dari .67 hingga .71
2.	Instrumen 'Satisfaction With Job Facets' (SWTF) yang asalnya terdiri daripada 5 item	Andrew dan Withey (1976) Steel dan Rentsch (1995, 1997).	Nilai reliabiliti adalah 'coefficient alpha' yang mempunyai nilai dari .79 hingga .81
3.	Instrumen 'Army Work Stress' (Family's Factor) yang asalnya terdiri daripada 5 item.	Hayriye Canan Sumer (1976) Horne dan Kinicki (2001).	Nilai reliabiliti adalah menggunakan 'coefficient alpha' yang mempunyai nilai dari .70 hingga .82
4.	Instrumen 'Army Work Stress' (Discipline) yang asalnya terdiri daripada 5 item.	Hayriye Canan Sumer (1976) CY Chin dan Tanarath (2002)	Nilai reliabiliti adalah menggunakan 'coefficient alpha' yang mempunyai nilai dari .78 hingga .85

3.13 UJIAN NORMALITI DAN LINEARITI

Berdasarkan beberapa ujian kenormalan yang telah dilakukan, ianya menunjukkan bahawa data-data yang dikutip tidak mempunyai taburan yang normal. Oleh kerana data-data tersebut tidak normal dan juga tidak mempunyai varian yang serupa, maka data-data ini perlu dianalisis dengan menggunakan

satu set ujian bukan parametrik. Bagi kertas kajian ini, **analisis inferential bukan parametrik** yang digunakan adalah seperti dibawah.

3.13.1 Ujian Spearman's Rho. Untuk melihat korelasi yang melibatkan variabel ordinal dengan ordinal seperti di bawah:

- a. Disiplin dengan Persekitaran Kerja.
- b. Disiplin dengan Masalah Sendiri/Keluarga.
- c. Disiplin dengan Pihak Pengurusan.

3.13.2 Ujian U Mann-Whitney. Untuk membuat perbandingan di antara dua kumpulan taraf perkahwinan iaitu bujang/duda/janda dan berkahwin.

3.13.3 Ujian Kruskal Wallis. Untuk membuat perbandingan berdasarkan tempoh perkhidmatan, pangkat dan jumlah penerjunan.

3.13.4 Ujian Regresi. Untuk melihat perhubungan di antara masalah disiplin dengan 'stress'.

3.14 SISTEM PERMARKATAN

Set soalan bagi kelima-lima variabel yang digunakan di dalam kajian ini adalah berbentuk positif dalam skala likert lima pilihan. Jika memilih 1 iaitu sangat memuaskan atau sangat bersetuju, mendapat 1 markat, 2 markat jika memilih 2 (memuaskan atau bersetuju), 3 markat jika memilih 3 (berkecuali), 4

markat untuk tidak memuaskan atau kurang bersetuju dan 5 markat untuk sangat tidak memuaskan atau tidak bersetuju. Disebabkan soalan berbentuk positif, maka markat keseluruhan bagi seseorang ataupun keseluruhan responden bagi sesuatu variabel ataupun keseluruhan variabel yang lebih rendah menunjukkan keadaan yang lebih baik. Semakin tinggi skor atau markat menunjukkan keadaan semakin tidak baik. Sebagai contoh, A mendapat skor 14 bagi variabel disiplin, manakala B mendapat 20 dan C mendapat 30 untuk variabel yang sama. Ini menunjukkan dari segi disiplin, A adalah yang terbaik, diikuti oleh B dan C paling tidak baik. Bagi variabel disiplin yang mempunyai 10 item, markat terendah boleh dicapai bagi seorang responden adalah 10 markat dan tertinggi adalah 50 markat. Markat terendah dan tertinggi bagi 'stress' (10 item) adalah 10 dan 50, masalah keluarga (5 item) 5 dan 25, pengurusan (5 item) 5 dan 25 dan persekitaran kerja (7 item) 7 dan 35.

3.15 TATACARA KAJIAN

Kajian sebenar dijalankan pada semester Januari sesi 2008/ 2009. Jangkamasa dua minggu digunakan untuk mengedarkan soal selidik ini. Kajian ini tertakluk kepada satu jangkamasa yang ditetapkan. Namun begitu, pengkaji telah mengingatkan responden agar dapat menjawab kesemua item - item dalam jangkamasa lebih kurang 30 ke 40 minit. Pengkaji pergi ke organisasi tersebut untuk bertemu dengan semua responden di samping menerangkan dengan lebih terperinci mengenai tujuan kajian ini dilakukan. Semasa borang soal selidik ini

diurus, pengkaji telah mendapatkan bantuan kakitangan organisasi berkenaan. Dalam kajian ini sebanyak 340 kuantiti borang soal selidik yang mengandungi 5 set bahagian, telah diedarkan kepada responden. Untuk memudahkan urusan menjawab soalan soal - selidik, bahagian personel/ tadbir pasukan telah membantu penyelidik untuk nengumpulkan semua responden yang telah di pilih selepas tamat atau sebelum kerja syif masing - masing, mengikut mana yang berkenaan.

3.16 KESIMPULAN

Bab ini telah memberikan penjelasan yang terperinci berkaitan dengan metodologi kajian yang telah di aplikasikan. Ia merangkumi penerangan tentang populasi dan tempat kajian dilakukan, cara pemilihan dan jumlah sampel, instrumen kajian, tatacara pengukuran pembolehubah – pembolehubah dan kaedah – kaedah penganalisaan data yang di perolehi. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan melaporkan berkaitan penemuan kajian bersesuaian dengan objektif yang telah digariskan.